



DASAR INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH

MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

- Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) komited menjadikan integriti, akauntabiliti, ketelusan dan profesionalisme sebagai asas dalam memperkukuh tadbir urus serta penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada orang awam. MBK mengamalkan prinsip toleransi sifar terhadap rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa melalui pengukuhan kawalan dalaman, pengurusan risiko rasuah serta pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan prosedur yang berkuat kuasa.
- Dasar ini dirangka selaras dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 serta keperluan perundangan yang berkaitan dengan pentadbiran dan fungsi Majlis Bandaraya Kuantan.
- Pelaksanaan dasar ini diperkukuh melalui pembangunan Dasar, Polisi dan prosedur seperti Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), Dasar Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR), Dasar Hadiah dan Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*) yang selaras dengan peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa, bagi memperkukuh integriti, tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan MBK ke arah kecemerlangan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta merealisasikan visi Kuantan Bandaraya Lestari, Inklusif, Resilien dan Pintar.
- Seluruh warga MBK berikrar untuk menjalankan tugas dengan amanah, mengutamakan kepentingan awam, mengelakkan konflik kepentingan serta menolak dan melaporkan sebarang bentuk rasuah, penyelewengan dan salah laku. Kegagalan mematuhi dasar ini boleh dikenakan tindakan sewajarnya selaras dengan peruntukan yang berkuat kuasa.